

Penyelidikan produk dua IPTA terus cemerlang

PENCAPAIAN penyelidikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) semakin terserlah di peringkat antarabangsa apabila sekumpulan penyelidiknya berjaya memenangi empat pingat dan satu anugerah khas pada pertandingan British Invention Show (BIS) 2008 di Hertfordshire, United Kingdom (UK), baru-baru ini.

UTeM yang menghantar empat penyertaan pada pertandingan itu meraih tiga emas menerusi penyelidikan bertajuk Magnetically Activated Engine Mounting System, Full Scale Quarter Test RIG oleh penyelidik, Mohd Zakaria Mohd Nasir dan Design and Implementation Helicopter Controller Using PC Based oleh Alias Khamis.

Lebih membanggakan, penyelidikan Mohd Zakaria, Magnetically Activated Engine Mounting System turut mendapat pengiktirafan Anugerah Khas Double Gold.

Sementara itu, pingat perak tunggal diraih Norazman Abu menerusi produk Random Room Noise For Cryptographic Key.

Penyertaan UTeM dalam BIS 2008 bertujuan mengetengahkan produk penyelidikan terkini universiti yang mempunyai potensi dan bernilai komersil.

Dalam pada itu, Universiti Putra Malaysia dalam satu kenyataan berkata, tiga penyelidik Fakulti Kejuruteraan, UPM pula memenangi lima pingat termasuk dua anugerah khas pada pameran sama.

Anugerah Khas Diamond dimenangi Prof Madya Dr Abdul Rashid Mohamed Shariff menerusi produk GIS-Based System For Paddy Precision Farming di bawah kategori Natural Earth yang turut merangkul satu emas.

Produk terbabit adalah teknologi pertanian persis untuk tanaman padi yang

boleh mengoptimalkan penggunaan baja dan racun serta memaksimumkan potensi pengeluaran hasil.

Satu lagi anugerah khas iaitu Anugerah Khas Double Gold diraih Dr Norhafizah Abdullah bagi kategori industri yang menggondol emas menerusi produk Supercritical AntiSolvent for Nanoparticles Encapsulation, iaitu kaedah mengkapsul ubat-ubatan dalam saiz kecil menggunakan sistem Supercritical Fluid Anti Solvent (SAS).

Emas ketiga diraih Prof Madya Dr Sabira Khatun melalui penghasilan produk Intelligent Traffic Management System (ITMS) with Smart Auto Driven Vehicle (SDAV).

BIS dianjurkan British Inventors Society dengan kerjasama agensi kerajaan di UK termasuk UK Patent Office, Business Link dan Walsh Assembly Government.

Tahun ini, BIS mempertandingkan 131 projek penyelidikan dari seluruh dunia dengan 38 daripadanya disertai oleh institusi pengajian tinggi awam negara.

Penganjuran pameran dan pertandingan reka cipta terbesar dunia itu diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada pereka cipta yang berjaya menyumbangkan ciptaan dan hasil penemuan yang bermanfaat kepada masyarakat sejagat.



Tiga penyelidik Fakulti Kejuruteraan, UPM pula memenangi lima pingat termasuk dua anugerah khas pada pameran sama"

Kenyataan UPM

BERITA HARIAN
6/11/08: